

12 SEP 2003

Bajet-Keselamatan

PEGAWAI PENGUATKUASA DIBEKALKAN PERALATAN SESUAI UNTUK KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Pegawai penguatkuasa yang cedera atau gugur semasa menjalankan tugas akan diberi faedah dan saraan yang sama disediakan kepada anggota keselamatan dan anggota keluarga mereka.

Ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata untuk menghargai jasa mereka, faedah dan saraan yang disediakan kepada anggota keselamatan dan anggota keluarga mereka juga akan dipanjangkan kepada penguatkuasa jika mereka cedera atau gugur semasa bertugas.

Beliau berkata sejak kebelakangan ini, sering berlaku kejadian penculikan, lanun, dan gangsterism termasuk kegiatan tonto serta rompakan dan kecurian yang semakin membimbangkan.

Katanya adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan persekitaran awam dan perniagaan yang selamat.

"Bagi melindungi pegawai penguatkuasa semua agensi, mereka akan dibekalkan dengan peralatan yang sesuai semasa bertugas," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan melalui Pasukan Polis Diraja Malaysia akan meningkatkan, memperkukuhkan kawalan dan penguatkuasaan di seluruh negara.

"Dengan itu kerajaan akan mengkaji organisasi dalam bahagian tertentu Polis Diraja Malaysia serta meningkatkan keupayaan melalui pemberian peralatan dan latihan khas supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata, selain itu kerajaan juga telah menubuhkan Angkatan Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) sebagai satu usaha untuk meningkatkan lagi keselamatan di perairan negara.

Untuk itu, Dr Mahathir mengumumkan peruntukan sebanyak RM4.4 bilion untuk keselamatan dalam negeri, manakala Kementerian Pertahanan pula akan menerima peruntukan sebanyak RM6.5 bilion.

Beliau berkata, bagi perbelanjaan pembangunan pula, peruntukan masing-masing ialah sebanyak RM750.5 juta dan RM2.1 bilion disediakan untuk melengkap dan memodenkan sistem pertahanan dan keselamatan negara.

-- BERNAMA

NSM AHH BK